

JKR 20500-0064-19

**GARIS PANDUAN REKABENTUK
SISTEM SEMBURAN AIR
AUTOMATIK JENIS WET PIPE
(SPRINKLER)**

EDISI 2018



SPRINKLER

**CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**



Terbitan:

**CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum memperoleh izin bertulis daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 24-28, Blok G,
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

No. Telefon: 03 – 2618 9501 (Talian Umum)

No. Faks: 03 – 2618 9510

PENDAHULUAN

Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan dokumen ini.

Garis Panduan ini diterbitkan bertujuan memberi panduan rekabentuk terperinci kepada semua kakitangan mekanikal JKR amnya dan khususnya kepada pegawai baru Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) terhadap sistem pencegah kebakaran jenis semburan air automatik jenis *wet pipe (sprinkler)*. Ia juga bertujuan menjadi sumber rujukan kepada para perekabentuk memahami sistem *sprinkler* sebagai persediaan merekabentuk sistem yang cekap dan optimum serta memenuhi keperluan, akta dan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Dokumen ini dihasilkan daripada perkongsian pengetahuan dan pengalaman Ahli-Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada kakitangan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat dan negeri yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merekabentuk, penyeliaan, pemasangan dan pengujian sistem *sprinkler*.

Akhir kata, adalah diharapkan dokumen ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak sebagai landasan memperkasakan ilmu dan pengetahuan dalam perlaksanaan projek-projek kerajaan.

Terima kasih.

Ir. RAZDWAN BIN KASIM

Pengarah Kanan

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

Ibu Pejabat JKR Malaysia

November 2018

GLOSARI


- Alarm Valve* : *Alarm valve* mengaktifkan amaran bunyi apabila sistem *sprinkler* diaktifkan, Seterusnya membenarkan aliran air keluar dari *sprinkler head*.
- Alarm Test Valve* : Injap pengujian sistem *sprinkler* pada keadaan tidak aktif.
- Flow Switch* : Alat untuk mengesan aliran air melalui bahagian paip yang berlainan dalam sistem *sprinkler*.
- Hanger* : Alat yang digunakan bagi mengikat/mengantungkan paip aliran pada struktur bangunan
- Pressure Gauge* : Alat mengukur tekanan dalam sistem paip.
- Pressure Switch* : Alat pengesan perubahan tekanan didalam paip dan seterusnya menghantar isyarat kepada set pam.
- Stop Valve* : Injap mengawal sumber air masuk diberhentikan apabila sistem *sprinkler* tidak diaktifkan.
- Safety valve* : Alat pelepas tekanan yang berlebihan.
- Test Pipe* : Bahagian paip untuk dijalankan pengujian.

NOMENKLATUR

C&S	<i>Civil And Structure</i>
CV	<i>Control Valve</i>
FRP	<i>Fibre Reinforced Plastic</i>
G.I.	<i>Galvanized Iron</i>
HH	<i>High Hazard</i>
HODT	<i>Head of Design Team</i>
HOPT	<i>Head of Project Team</i>
IFEM	<i>The Institution of Fire Engineers Malaysia</i>
JBPM	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
LH	<i>Low Hazard</i>
MS	Malaysian Standard
NFPA	<i>National Fire Protection Association</i>
OH	<i>Ordinary Hazard</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RDI	<i>Room Data Interaction</i>
SOA	<i>Schedule of accommodation</i>
SPKA	Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik
UBBL	<i>Uniform Building By-Law</i>

PETUNJUK

Simbol



Flow Switch



Subsidiary Valve




Gate Valve/ Stop Valve




Orifice Plate




Sprinkler pipe



Sprinkler Drain Pipe



Sprinkler Head (Upright)



Sprinkler Head (Pendant)



Automatic Air Vent

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

Pendahuluan	i
Glosari	ii
Nomenklatur.....	iii
Petunjuk.....	iv
1. LATARBELAKANG	1
1.1 Objektif.....	1
1.2 Skop.....	1
1.3 Pengenalan Sistem <i>Sprinkler</i>	2
1.4 Bagaimanakah sistem spinkler berfungsi?	4
1.5 Komponen Sistem <i>Sprinkler</i>	5
1.5.1 Bekalan Air	5
1.5.2 Tangki Simpanan Air	6
1.5.3 Pam <i>Sprinkler</i>	7
1.5.4 <i>Sprinkler Head</i>	9
1.5.5 Injap-Injap (<i>Valves</i>).....	11
1.5.6 <i>Breeching Inlet</i>	13
1.5.7 <i>Flow Switch</i>	14
1.5.8 Sistem Paip.....	15
2. AKTA, PIAWAIAN & RUJUKAN.....	15
3. KEPERLUAN AWALAN	16
3.1 Brif Projek	17
3.2 Rekabentuk Awalan Arkitek	18
3.3 Perbincangan Awalan Bersama Bomba	18
3.4 Koordinasi Antara Disiplin	18

3.4.1	Arkitek.....	19
3.4.2	Awam & Struktur.....	19
3.4.3	Elektrik.....	20
3.4.4	Ukur Bahan.....	20
3.5	Kategori/Klasifikasi Bahaya (<i>Hazard Class</i>).....	21
4.	REKABENTUK SISTEM.....	23
4.1	Rekabentuk Tangki.....	24
4.2	Rekabentuk Pam.....	27
4.3	Rekabentuk Sistem <i>Sprinkler</i>	30
4.3.1	Penetapan Jarak dan Perkiraan <i>Sprinkler Point</i>	30
4.3.2	Jarak Maksimum Dan Minimum Litupan <i>Sprinkler Head (Coverage)</i>	31
4.4	Pengiraan Bagi Rekabentuk Dan Saiz Paip.....	35
4.4.1	<i>Design Point</i>	35
4.4.2	Kaedah Rekabentuk Sistem Paip.....	36
4.4.3	Pengiraan Saiz Paip Secara <i>Pre-Calculated</i>	40
4.4.4	Pengiraan Saiz Paip Secara <i>Hydraulically-Calculated</i>	45
5.	LUKISAN TENDER.....	56
6.	CONTOH REKABENTUK.....	56
6.1	Projek Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar Kedah.....	56
6.1.1	Pengiraan bagi rekabentuk dan saiz tangki dan pam.....	57
6.1.2	Rekabentuk tangki.....	58
6.1.3	Rekabentuk Pam.....	59
6.1.4	Penetapan Susunan <i>Sprinkler Point, Design Point</i> dan <i>Control Valve Set</i>	61
7.	RUJUKAN.....	67
8.	LAMPIRAN.....	68
9.	PENGHARGAAN.....	83

1. LATARBELAKANG

Dokumen Garis Panduan Rekabentuk Sistem Semburan Air Automatik Jenis *Wet Pipe* (*sprinkler*) (selepas ini akan disebut sebagai “sistem *sprinkler*”) ini dibangunkan sebagai satu inisiatif Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM), Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia lanjutan daripada dokumen Panduan Asas Rekabentuk Sistem Pencegah Kebakaran yang telah diterbitkan dalam tahun 2018. Garis panduan ini lebih memperincikan lagi sistem *sprinkler* ini dari aspek pengenalan, operasi sistem dan rekabentuk secara umumnya.

Dokumen ini hanya melibatkan kepada sistem *sprinkler* jenis *Wet Pipe* sahaja dan merujuk kepada klausa-klausa yang terdapat didalam piawaian *Uniform Building by Laws* (UBBL) Versi 2015, MS1910:2017 (*Fixed Fire Fighting Systems – Automatic Sprinkler Systems – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*), *Guide to Fire Protection in Malaysia* (2006) dan lain-lain piawaian dan garis panduan berkaitan untuk tujuan keseragaman. Namun demikian, keperluan piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan setempat harus dirujuk untuk tujuan rekabentuk mengikut lokasi projek.

Piawaian dan rujukan yang disebutkan dalam dokumen ini adalah bertujuan untuk membimbing perekabentuk untuk menyediakan rekabentuk, lukisan dan spesifikasi. Ianya tertakluk kepada perubahan atau semakan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa.

1.1 Objektif

Dokumen ini dihasilkan bertujuan sebagai panduan rekabentuk sistem *sprinkler* kepada kakitangan/pegawai JKR khususnya para perekabentuk agar dapat menghasilkan rekabentuk yang selamat, cekap, menepati piawaian dan peraturan semasa yang berkuatkuasa serta patuh kepada amalan kejuruteraan yang terbaik.

1.2 Skop

Skop bagi rekabentuk sistem *sprinkler* adalah merangkumi pengenalan ringkas komponen, elemen-elemen asas rekabentuk, keperluan-keperluan semasa, akta dan peraturan yang

berkuatkuasa serta disokong oleh contoh-contoh pengiraan dan lukisan bagi skop-skop rekabentuk seperti berikut:

- a) Rekabentuk tangki simpanan air,
- b) Rekabentuk sistem pam,
- c) Rekabentuk taburan *sprinkler head*,
- d) Rekabentuk injap-injap,
- e) Rekabentuk sistem paip; dan
- f) Rekabentuk peralatan/perkakasan berkaitan.

1.3 Pengenalan Sistem *Sprinkler*

Sistem *sprinkler* merupakan salah satu sistem pencegah kebakaran jenis aktif yang berfungsi untuk mengesan, mengawal, memadam kebakaran dan pada masa yang sama memberi amaran kebakaran kepada penghuni bangunan. Sistem ini menggunakan air sebagai agen pemadaman kebakaran yang merupakan salah satu agen pemadaman kebakaran yang baik.


Ianya bertindak melalui semburan air secara automatik ke kawasan kebakaran bagi mengawal kadar pembebasan haba yang disebabkan oleh kebakaran untuk mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Sistem ini juga mampu bertindak untuk menyejukkan keadaan persekitaran supaya kebakaran tidak merebak.

Komponen-komponen yang terdapat dalam sistem *sprinkler* terdiri daripada :

- a) Sistem bekalan air yang dibekalkan dari paip bekalan utama,
- b) Set pam yang membekalkan tekanan dan kadar alir yang mencukupi kepada seluruh sistem paip agihan,
- c) Tangki simpanan air yang mencukupi mengikut keperluan rekabentuk sistem,
- d) Injap-injap kawalan; dan
- e) Sistem paip yang dipasang dengan *sprinkler head* serta beberapa peralatan lain yang mengawal fungsi sistem ini.

Komponen-komponen ini adalah seperti yang ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.1.

- 1 INCOMING WATER SUPPLY (BY OTHERS)
- 2 HEAVY DUTY FLOAT VALVES
- 3 INTERNAL CAT LADDER
- 4 HOT DIP GALVANISED PRESSED STEEL SPRINKLER TANK
- 5 VENT COWL C/W MOSQUITO NETTING
- 6 CONCRETE PLINTH (BY OTHERS)
- 7 INTERNAL SEPARATING PARTITION
- 8 SPRINKLER PUMPSET (STANDBY)
- 9 JOCKEY PUMP
- 10 SPRINKLER PUMPSET (DUTY)
- 11 DRAIN PIPE
- 12 PRESSURE GAUGE
- 13 PRESSURE SWICTH
- 14 GATE VALVE
- 15 Y-STARINER
- 16 EXPENSION JOINT
- 17 SPRINKLER ALARM VALVE
- 18 BUTTERFLY VALVE
- 19 FLOW SWITCH



SCALE : NOT TO SCALE

Rajah 1.1 : Lukisan Isometrik Sistem Sprinkler

1.4 Bagaimanakah Sistem *Spinkler* Berfungsi?

Ketika keadaan tunggu sedia, *sprinkler head* berfungsi untuk menahan tekanan air yang ada didalam paip yang dikawal oleh sistem pam (pam *jockey*). Apabila berlaku kebakaran, haba dari api kebakaran akan mengembangkan larutan cecair *glycerin* dalam bebuli kaca. Larutan cecair *glycerin* dalam bebuli kaca tersebut akan terus mengembang dan pecah apabila kepanasan suhu mencecah 68°C (bergantung kepada jenis cecair). Air bertekanan akan mengalir keluar dan mengenai plat *deflector* pada *sprinkler head* untuk membentuk semburan air.

Pada ketika ini, *flow switch* akan mengesan terdapat aliran air di dalam paip agihan seterusnya menghantar isyarat kepada panel penggera untuk membunyikan loceng amaran kebakaran dan menghantar isyarat kepada pihak Bomba dengan menggunakan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA). Pada masa yang sama, *pressure switch* akan mengesan kejatuhan tekanan air didalam paip dan menghantar isyarat untuk menggerakkan pam *jockey* secara automatik.

Pam *jockey* beroperasi untuk melaraskan perubahan tekanan air di dalam paip. Apabila tekanan terus berkurangan, pam *duty* akan beroperasi secara automatik dan sekiranya tekanan terus berkurangan pam *standby* akan beroperasi manakala pam *jockey* akan berhenti secara automatik.

Apabila kebakaran telah dapat dikawal sepenuhnya, aliran air di dalam paip akan dihentikan dengan menggunakan injap *butterfly* yang terdapat di zon kebakaran dan pam *duty* dan *standby* akan dihentikan secara manual.

1.5 Komponen Sistem *Sprinkler*

Sistem *sprinkler* terdiri daripada beberapa komponen utama yang diterangkan dalam topik ini seperti berikut:

- a) Bekalan air;
- b) Tangki simpanan air;
- c) Sistem pam;
- d) *Sprinkler head*;
- e) Injap-injap;
- f) *Breaching Inlet*;
- g) *Flow Switch*; dan
- h) Sistem paip.

Komponen-komponen ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di mukasurat 3.

1.5.1 Bekalan Air

Sistem ini direkabentuk menggunakan bekalan air yang dikhaskan bagi kegunaan sistem pencegah kebakaran sahaja dan harus memenuhi keperluan-keperluan piawaian dan pihak berkuasa tempatan dari segi aspek tekanan, kapasiti dan keadaan fizikal.

Bekalan air hendaklah dibekalkan dari sumber yang tidak putus (*inexhaustible source*) dan kualiti sumber air hendaklah bebas daripada mendapan atau unsur-insur/bahan-bahan lain yang tidak larut yang boleh menyebabkan pengumpulan dalam sistem paip.

Sistem *sprinkler* direkabentuk menggunakan bekalan air yang dikhaskan bagi kegunaan sistem semburan automatik sahaja. Lain-lain keperluan berkaitan bekalan air boleh dirujuk pada klausa 7: *Water supplies*, didalam MS1910:2017 – (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*).

1.5.2 Tangki Simpanan Air

Tangki simpanan air adalah tempat penyimpanan air yang digunakan untuk sistem *sprinkler*.

Ianya dicat dengan warna merah bagi membezakan diantara tangki sistem pencegah kebakaran dengan tangki sistem bekalan paip air dalaman dan dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan piawai yang diperlukan bagi sesebuah tangki air.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) membenarkan tangki jenis *pressed steel, fibre reinforced polyster* (FRP) ataupun konkrit. Namun spesifikasi JKR menyatakan penggunaan tangki hendaklah dari jenis *Pressed Steel Hot Dipped Galvanized*.

Pemilihan saiz tangki air *sprinkler* adalah bergantung kepada klasifikasi *hazard class* dan boleh dirujuk pada Lampiran 4 dan 5 untuk sistem *pre-calculated*.



GAMBAR 1.1: CONTOH TANGKI SIMPANAN AIR JENIS *PRESSED STEEL HOT DIPPED GALVANIZED*.

1.5.3 Pam Sprinkler

Terdapat tiga jenis set pam yang digunakan dalam sistem *sprinkler*, iaitu pam *jockey*, pam *duty* dan pam *standby*. Tugas utama set pam *sprinkler* ini adalah untuk mengekalkan tekanan air dalam sistem yang direkabentuk dan dikawal oleh *pressure switch*. Tekanan dan kadar alir pam ditentukan mengikut *hazard class* dan jarak ketinggian antara pemasangan *sprinkler head* dan aras *control valve* dipasang dan boleh dirujuk Lampiran 6 untuk sistem *pre-calculated*.



GAMBAR 1.2: CONTOH PEMASANGAN SET PAM SISTEM *SPRINKLER*.

Bagi sistem *sprinkler*, tiga set pam yang dijana oleh tenaga elektrik atau disel untuk *pam standby* perlu digunakan. Jenis set pam *sprinkler* ini adalah seperti nyatakan dalam Jadual 1.1 seperti di bawah. Pam *standby* yang menggunakan enjin disel hendaklah berkeupayaan untuk mengepam untuk tempoh enam (6) jam. Kapasiti tangki minyak pam disel pula hendaklah memenuhi klausa 9.9.6 dalam MS1910:2017 dimana tiga (3) jam untuk *hazard class* LH, empat (4) jam untuk *hazard class* OH dan enam (6) jam untuk *hazard class* HHP dan HHS.

JADUAL 1.1: JENIS-JENIS SET PAM SISTEM *SPRINKLER* DAN FUNGSI

Set Pam	Keterangan
Pam <i>Jockey</i>	<ul style="list-style-type: none"> a) Pam ini berfungsi untuk menstabilkan tekanan air di dalam sistem. b) Ianya akan mula beroperasi apabila tekanan di dalam sistem turun ke 90% dan akan dimatikan secara automatik apabila tekanan dalam sistem telah mencapai 110%. c) Pam ini dijana oleh tenaga elektrik (<i>normal power supply</i>).
Pam <i>Duty</i>	<ul style="list-style-type: none"> a) Pam <i>duty</i> dilaraskan supaya berfungsi ketika tekanan sistem dikesan pada kadar 60%. b) Setelah beroperasi, ianya perlu dimatikan secara manual bagi tujuan keselamatan. a) Pam ini dijana oleh tenaga elektrik (<i>normal power supply</i>).
Pam <i>Standby</i>	<ul style="list-style-type: none"> a) Pam <i>standby</i> dilaraskan supaya berfungsi ketika tekanan sistem dikesan jatuh pada kadar 60%. b) Setelah beroperasi, ianya perlu dimatikan secara manual bagi tujuan keselamatan. c) Pam <i>standby</i> ini dijana oleh sistem janakuasa tunggu-sedia (<i>essential power supply</i>) atau enjin disel.

Sumber : *Guide To Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.). (2006). IFEM

1.5.4 *Sprinkler Head*

Pemilihan *sprinkler head* ditentukan kepada had operasi (*temperature rating*) dan juga kaedah pemasangan. Pemilihan juga dilakukan berdasarkan suhu minima 30°C di atas suhu persekitaran di kawasan yang dilindungi. Bagi kegunaan ruang biasa, *sprinkler head* yang digunakan adalah daripada jenis yang mempunyai suhu operasi 68°C.

Di dalam *sprinkler head* terdapat bebuli kaca yang mengandungi cecair yang akan mengalami *thermal expansion* apabila suhu sekitarnya meningkat. Terdapat beberapa warna bebuli yang membezakan suhu operasi yang berbeza mengikut rekabentuk sistem seperti warna merah, oren dan sebagainya seperti dalam Jadual 1.2 di bawah.





**JADUAL 1.2: KOD WARNA DAN HAD SUHU OPERASI
(TEMPERATURE RATING) SPRINKLER HEAD**



<i>Bulb</i>	<i>Temperature rating (°C)</i>
<i>Orange</i>	57
<i>Red</i>	68
<i>Yellow</i>	79
<i>Green</i>	93
<i>Blue</i>	141
<i>Mauve</i>	182
<i>Black</i>	204/260

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*) (Table 39)

Terdapat tiga (3) bentuk *sprinkler head* didalam pasaran yang biasa digunakan mengikut kepada kesesuaian ruang seperti di Jadual 1.3.

JADUAL 1.3: JENIS PEMASANGAN *SPRINKLER HEAD*

Bil.	Jenis	Gambar	Keterangan	Bentuk Semburan
1.	<i>Pendant</i>	 <p>a) <i>Conventional Pendant</i></p> <p>b) <i>Concealed Pendant</i></p>	<p>Jenis ini digunakan bagi pemasangan pada siling dengan bebuli kaca menghala ke bawah.</p>	
2.	<i>Upright</i>		<p>Seperti jenis <i>pendant</i> yang diterbalikkan. Dipasang pada siling menghala ke arah dalam siling. Boleh juga digunakan bagi ruang yang tidak mempunyai siling.</p>	

Bil.	Jenis	Gambar	Keterangan	Bentuk Semburan
3.	<i>Sidewall</i>	 <p>a) <i>Horizontal sidewall</i></p> <p>b) <i>Vertical sidewall</i></p> <p>c) <i>Concealed horizontal sidewall</i></p>	Dipasang di tepi bilik atau ruang lompong (<i>void</i>).	

1.5.5 Injap-Injap (*Valves*)

Sistem *sprinkler* perlu mempunyai beberapa jenis injap yang berfungsi untuk mengawal operasi sistem. Antaranya ialah *installation control valve* yang terdiri daripada *stop valve*, *test valve*, *drain valve*, *alarm valve* dan *flushing valve*.



**GAMBAR 1.3: CONTOH PEMASANGAN
INSTALLATION CONTROL VALVE**

Alarm valve bertujuan bagi membunyikan *alarm gong* apabila terdapat pengaliran air di dalam paip disebabkan kejatuhan tekanan. *Installation control valve* ini perlu dipasang mengikut bilangan *sprinkler head* dimana setiap satu *installation control valve* hanya boleh menampung bilangan *sprinkler head* seperti Jadual 1.4 di bawah :

JADUAL 1.4 : BILANGAN PEMASANGAN *SPRINKLER HEAD* BAGI SETIAP *INSTALLATION CONTROL VALVE* MENGIKUT *HAZARD CLASS*.

Hazard Class	Bilangan <i>Sprinkler Head</i>
Light Hazard (LH)	500
Ordinary Hazard (OH)	1,000
High Hazard (HH)	1,000

Sumber : *Guide To Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.). (2006). IFEM

Namun bagi *life safety system*, adalah dibenarkan untuk memasang 200 bilangan *sprinkler head* untuk setiap set *installation control valve* bagi setiap zon. Bilangan zon pula adalah tiada had dan mengikut keperluan rekabentuk. Penerangan *life safety system* boleh dirujuk dalam MS1910:2017 (*Annex F*).

Bagi tempat letak kenderaan pula, jumlah bilangan *sprinkler head* hendaklah tidak melebihi 1,000 unit bagi setiap pemasangan *installation control valve*.


Antara contoh jenis injap yang digunakan pada sistem *sprinkler* disenaraikan seperti dalam Jadual 1.5 di bawah.

JADUAL 1.5: JENIS-JENIS INJAP DAN KEGUNAANNYA

Nama Injap	Kegunaan
<i>Stop Valve</i>	Digunakan untuk mengasingkan bekalan air, ia juga boleh dipanggil injap pengasingan. Ia menghalang bekalan air dari memasuki ke dalam paip sistem <i>sprinkler</i> .
<i>Test Valve</i>	Digunakan untuk menguji kefungsi sistem <i>sprinkler</i> .
<i>Drain/Flushing Valve</i>	Digunakan untuk mengeluarkan air yang tidak diperlukan dari sistem <i>sprinkler</i> .

1.5.6 *Breeching Inlet*


Breeching inlet atau dikenali sebagai injap masukan perlu dipasang supaya anggota bomba dapat mengepam air ke dalam tangki *sprinkler* sekiranya bekalan air terputus. Ianya biasa dipasang di bahagian luar bangunan di tempat yang mudah dilihat dan boleh diakses oleh jentera bomba. Terdapat beberapa jenis injap masukan yang biasa dipasang seperti Gambar 1.5. *4-way breeching inlet* menggunakan saiz paip berdiameter 150 milimeter manakala *2-way breeching inlet* menggunakan saiz paip berdiameter 100 milimeter. Kedudukan *Breeching Inlet* hendaklah tidak melebihi 18 meter daripada laluan akses jentera bomba dan tidak melebihi 30 meter dari pili bomba berdekatan.



GAMBAR 1.4 : JENIS-JENIS BREACHING INLET

1.5.7 *Flow Switch*


Flow switch berfungsi sebagai pengesan pengaliran air di dalam paip. Alat ini kebiasaannya dipasang pada setiap zon. Ia akan memberi isyarat amaran kepada panel kawalan kebakaran utama sekiranya ada di antara *sprinkler head* yang pecah. Ini membolehkan penghuni bangunan/anggota bomba mengetahui lokasi sebenar kebakaran.



GAMBAR 1.5 : SUIS KAWALAN ALIRAN (*FLOW SWITCH*)

1.5.8 Sistem Paip

Paip dan penyambung di dalam sistem ini hendaklah daripada jenis *galvanised iron class C* mengikut spesifikasi teknikal JKR. Saiz paip pula akan bergantung kepada pengiraan hidraulik dan saiz diameter paip yang paling kecil adalah 25 milimeter. Penyangkut (*hangers*) adalah pemasangan yang sangat penting di dalam sistem perpaipan. Ia digunakan bagi tujuan penggantung atau penahan paip *sprinkler*. Ianya perlu diikat terus kepada struktur bangunan dan tidak boleh digunakan bagi menampung lain-lain kemudahan selain daripada paip *sprinkler*.



GAMBAR 1.6: CONTOH PEMASANGAN PENYANGKUT SISTEM PAIP *SPRINKLER*

2. AKTA, PIAWAIAN & RUJUKAN

Keperluan pemasangan sistem *sprinkler* dinyatakan dalam akta, peraturan semasa yang berkuatkuasa serta piawaian-piawaian yang berkaitan.

Piawaian-piawaian yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a) MS 1910:2017 : *Fixed Fire Fighting Systems – Automatic Sprinkler Systems – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*
(selepas ini akan disebut sebagai MS 1910:2017)
- b) UBBL 1984 : *Uniform Building By-Laws 1984*(selepas ini akan disebut sebagai UBBL 1984)

Keperluan pemasangan Sistem Semburan Air Automatik dinyatakan dalam Jadual ke-10 UBBL 1984 dan diperincikan bawah klausa 226 dan 228. Senarai ini boleh dirujuk pada Lampiran 1 setelah hanya mengambilkira kepada keperluan sistem *sprinkler* sahaja.

Garis panduan dan rujukan berkaitan adalah seperti berikut:

- a) *Guide to Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.) (2006) IFEM.
- b) *Mechanical System Design and Installation Guidelines for Architects and Engineers (Revised Edition 2018)* JKR.
- c) Spesifikasi Teknikal JKR

Walaupun keseluruhan pemilihan peralatan *sprinkler* dibuat berdasarkan jadual-jadual yang telah terkandung di dalam MS 1910:2017, semakan semula terhadap semua kriteria peralatan ini dilakukan dengan merujuk kepada buku *Guide to Fire Protection In Malaysia* memandangkan buku ini megariskan undang-undang dan peraturan terkini yang perlu dipatuhi dalam merekabentuk sistem pencegah kebakaran di Malaysia.

Piawaian yang dipilih hendaklah digunakan secara menyeluruh, melainkan ada aspek yang tiada dalam piawaian yang dipilih dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

3. KEPERLUAN AWALAN

Kajian keperluan awalan perlu dilakukan sebelum proses merekabentuk sistem *sprinkler* bermula kerana akan memberi kesan terhadap kualiti projek yang melibatkan koordinasi diantara disiplin disepanjang kitar hayat projek. Perekabentuk dari Cawangan Kejuruteraan Mekanikal yang dilantik sebagai *Head of Design Team* (HODT) disiplin mekanikal bagi sesuatu projek, perlu berkomunikasi dengan wakil HODT lain-lain disiplin dalam menerima dan menyalurkan maklumat. Diantara maklumat yang perlu dipastikan dan disahkan diperingkat awalan adalah seperti berikut:

- a) Brif projek;
- b) Rekabentuk awalan arkitek;

- c) Perbincangan awalan bersama bomba;
- d) Koordinasi antara disiplin, dan
- e) Penentuan *hazard class*.

3.1 Brif Projek

Brif projek yang diterima daripada pihak pelanggan akan dianalisa untuk menentukan sistem mekanikal yang terlibat. Brif projek ini, menerangkan fungsi bagi setiap ruang yang diperlukan, nama-nama bilik dan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh pihak pelanggan bagi setiap ruang (contohnya : bilik-bilik yang memerlukan penyaman udara beroperasi 24 jam, sistem *fume extractor*, sistem paip air dalaman, dan lain-lain).

HODT Mekanikal perlu mendapatkan maklumat, mengkaji brif projek serta rekabentuk awalan Arkitek daripada pihak *Head of Project Team* (HOPT)/pelanggan untuk penentuan keperluan sistem *sprinkler*. Maklumat-maklumat yang perlu diperolehi adalah seperti berikut:

- a) Jenis/kategori bangunan;
- b) Jenis dan fungsi bilik/ruang;
- c) Keluasan ruang lantai;
- d) Ketinggian ruang siling, dan
- e) Keperluan pihak berkuasa tempatan (PBT) (contoh : Bomba).

Disamping brif projek yang diterima, mesyuarat *room data interaction* (RDI) antara pihak JKR selaku agensi pelaksana dan pihak pelanggan juga dilaksanakan. Mesyuarat ini membincangkan keperluan pelanggan bagi disesuaikan dengan keperluan arkitek, mekanikal dan elektrik di dalam sesuatu bilik atau ruang.

Berdasarkan brif projek yang diterima serta perbincangan yang dilakukan, pihak arkitek akan menyediakan lukisan konsep serta pelan susunatur awalan untuk tindakan disiplin lain menyediakan anggaran awalan projek.

3.2 Rekabentuk Awalan Arkitek

Maklumat dan lukisan rekabentuk awalan perlu diperolehi daripada pihak HODT Arkitek untuk tujuan koordinasi dan penentuan keperluan sistem *sprinkler* seperti berikut:

- a) Maklumat Jadual Keperluan Ruang (SOA);
- b) Cadangan kemasan akhir rekabentuk;
- c) Lokasi laluan kecemasan, dan
- d) Cadangan lokasi keperluan sistem mekanikal.

Selain daripada itu, bilik/ruang yang sensitif terhadap air perlu dikenalpasti bagi memastikan sistem *sprinkler* tidak dipasang didalam bilik/ruang tersebut dan diganti dengan sistem pencegah kebakaran yang besesuaian.

3.3 Perbincangan Awalan Bersama Bomba

HODT Mekanikal bersama-sama dengan HODT Arkitek hendaklah mengemukakan cadangan rekabentuk awalan kepada pihak Bomba untuk mengesahkan keperluan sistem pencegah kebakaran. Ulasan dan keperluan semasa dari pihak Bomba perlu diambilkira dalam penyediaan rekabentuk terperinci.

3.4 Koordinasi Antara Disiplin

Ketika diperingkat rekabentuk lagi kordinasi ini amat penting bagi memastikan segala keperluan sistem Mekanikal dan disiplin lain tidak bercanggah. Maklumat-maklumat penting perlu dimaklumkan pada peringkat ini supaya rekabentuk disiplin lain turut mengambilkira keperluan bagi pemasangan sistem mekanikal. Berikut adalah antara maklumat untuk sistem *sprinkler* yang sebagaimana yang dinyatakan di dalam sebagaimana yang terdapat didalam *Mechanical System Design and Installation Guidelines for Architects and Engineers (Revised Edition 2018)* JKR perlu disalurkan kepada semua disiplin rekabentuk lain yang terlibat di dalam projek ini.

3.4.1 Arkitek

Maklumat yang perlu disalurkan pada pihak HODT Arkitek secara amnya adalah melibatkan keperluan saiz dan lokasi bagi pemasangan sistem mekanikal. Antara maklumat yang perlu diberikan kepada pihak HODT Arkitek adalah seperti berikut:

- a) Saiz bilik pam sistem *sprinkler* beserta tangki air pencegah kebakaran. Saiz ini adalah berdasarkan kepada ukuran piawai keperluan jabatan;
- b) Lantai bilik pam hendaklah berkonkrit dan tidak licin;
- c) Papak konkrit (*concrete plinth*) perlu disediakan oleh kontraktor bangunan dan tinggi minima 800 mm dan saiznya perlu sesuai dengan tangki air sistem *sprinkler* (rujuk Garis Panduan Rekabentuk *Plinth* Cawangan Kejuruteraan Mekanikal);
- d) Pintu bilik pam hendaklah dari jenis pintu padu dua daun dan ianya hendaklah dibuka ke arah luar;
- e) Lantai bilik pam hendaklah cerun ke arah laluan atau perangkap buangan (*floor trap*);
- f) Bilik pam perlu mempunyai tingkap jenis *fixed louvers* bagi tujuan pengudaraan;
- g) Lantai bilik pam hendaklah lebih rendah dari lantai luar sebanyak 25 mm minima supaya aliran air dari dalam bilik pam tidak keluar ke kawasan luar;
- h) Perangkap pembuangan (*floor trap*) perlu disediakan
- i) Paip sumber bekalan air untuk kegunaan penyelenggaraan adalah juga diperlukan;
- j) Kedudukan *breeching inlet* perlu berada di luar bangunan di tempat laluan utama yang boleh di capai terus oleh pihak BOMBA;
- k) Kedudukan dan saiz ruang untuk menempatkan *breeching inlet*; dan
- l) Keperluan laluan paip (*pipe riser*); Jika paip *sprinkler* perlu merentasi lantai, satu bukaan lantai yang sesuai hendaklah disediakan oleh kontraktor bangunan.

3.4.2 Awam & Struktur

Maklumat yang perlu diberikan kepada pihak HODT Awam & Struktur adalah melibatkan beban/berat peralatan mekanikal yang akan dipasang. Maklumat ini penting bagi tujuan pengiraan berat keseluruhan struktur yang akan ditampung oleh struktur bangunan. Selain daripada itu, maklumat berkaitan dengan bukaan bagi pemasangan

sistem mekanikal juga perlu diberikan bagi mengelakkan masalah *hacking & coring* dilakukan tidak mengikut pelan. Antara maklumat yang perlu diberikan kepada pihak HODT Awam dan Struktur adalah seperti berikut:

- a) Bukaannya yang diperlukan untuk laluan paip hendaklah disediakan;
- b) Berat paip *sprinkler* bagi tujuan penyediaan *bracket* atau *trusses* untuk menyokong paip tersebut (*pipe support/hangar*).
- c) Tapak tangki air (*concrete plinth*) hendaklah disediakan bagi menampung berat tangki air pencegah kebakaran (rujuk Garis Panduan Rekabentuk *Plinth* Cawangan Kejuruteraan Mekanikal);
- d) Bekalan air ke tangki air sistem *sprinkler*; dan
- e) Berat peralatan (kapasiti tangki dan berat pam) untuk memudahkan pihak struktur merekabentuk struktur lantai/slab.

3.4.3 Elektrik

Maklumat yang perlu diberikan kepada pihak HODT Elektrik adalah berkaitan dengan beban keseluruhan kuasa elektrik yang digunakan oleh peralatan sistem mekanikal. Antara maklumat yang perlu diberikan kepada HODT Elektrik adalah seperti berikut:

- a) Keperluan beban elektrik bagi semua peralatan sistem mekanikal pam *sprinkler*;
- b) Lokasi bagi *control panel* dan *isolator* yang diperlukan; dan
- c) Senarai dan keperluan peralatan yang memerlukan bekalan kuasa *essential*.

3.4.4 Ukur Bahan

Anggaran kos keseluruhan projek untuk pemasangan sistem mekanikal hendaklah disediakan dan diberikan kepada pihak HODT Ukur Bahan untuk tujuan penyediaan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA). Kos sistem mekanikal yang telah disahkan hendaklah dimasukkan dalam PDA projek. Spesifikasi teknikal dan dokumen tender hendaklah disediakan oleh HODT Mekanikal dan diserahkan kepada pihak HODT Ukur Bahan bagi tujuan panggilan tender.

3.5 Kategori/Klasifikasi Bahaya (*Hazard Class*)

Piawaian MS1910:2017 pada klausa 5 - *Classification of occupancies and fire hazards* telah mengklasifikasikan kumpulan bangunan / pengguna mengikut kegunaan dan operasi kepada beberapa kategori, iaitu *Light Hazard* (LH), *Ordinary Hazard* (OH) dan *High Hazard* (HH). Penentuan kategori ini penting dalam memulakan rekabentuk sistem *sprinkler*. Terdapat tiga (3) kategori utama yang boleh diklasifikasikan seperti di Jadual 3.1 dibawah. Perincian klasifikasi bagi *hazard class* yang dinyatakan dalam MS1910:2017, boleh dirujuk pada Lampiran 2.

JADUAL 3.1: KATEGORI UTAMA KLASIFIKASI HAZARD CLASS

<i>Hazard Class</i>	Kriteria
a) <i>Light Hazard</i> (LH)	Kategori ini diklasifikasikan kepada mana - mana bangunan yang bukan digunakan sebagai sektor industri di mana jumlah dan kandungan bahan yang mudah terbakar di dalam bangunan adalah sangat rendah.
b) <i>Ordinary Hazard</i> (OH)	Bangunan yang digunakan bagi tujuan komersil dan industri yang melibatkan pengendalian dan penyimpanan bahan mudah terbakar yang biasa di mana kebakaran yang kuat tidak mungkin terjadi di peringkat awal dan diklasifikasikan sebagai: OH I - pejabat, restoren dan hotel; OH II - dobi, bakeri dan kilang tembakau; OH III – parkir, pasaraya, pasaraya besar dan pawagam, kilang pakaian dan cat; dan

<i>Hazard Class</i>	Kriteria
	OH IIS – kilang mancis, studio televisyen dan filem.
c) <i>High Hazard</i> (HH)	<p>Bangunan yang digunakan bagi tujuan komersil dan industri yang mempunyai bebanan kebakaran yang luar biasa, penyimpanan minyak dan bahan bahaya dalam kuantiti yang banyak dan bahan mudah bakar dan sebagainya diklasifikasikan sebagai:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bahaya aspek proses – pakaian, getah, serbuk kayu dan kilang cat; dan ii. Kategori penyimpanan kuantiti yang banyak bahan risiko bahaya dibahagi seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Kategori I – permaidani dan kain melebihi ketinggian 4 meter; b. Kategori II – kilang perabot melebihi ketinggian 3 meter; c. Kategori III – getah, kertas disalut lilin melebihi ketinggian 2 meter; dan d. Kategori IV – foam dan plastik melebihi ketinggian 1.2 meter.

Sumber : *Guide To Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.). (2006). IFEM

Sekiranya terdapat ruang dalam bangunan mempunyai fungsi ruang yang berbeza dan mempunyai kategori *hazard class* yang berlainan, kategori *hazard class* yang paling tinggi hendaklah digunakan untuk tujuan rekabentuk sistem *sprinkler* bangunan itu.

4. REKABENTUK SISTEM

Rekabentuk sistem *sprinkler* boleh dimulakan setelah lukisan rekabentuk terperinci yang telah disahkan oleh HODT Arkitek diterima.

Dalam merekabentuk sistem *sprinkler*, perkara berikut hendaklah dipastikan terlebih dahulu kerana ia akan memberi kesan terhadap jenis serta lokasi *sprinkler point* yang akan direkabentuk :

- a) Penggunaan ruang – Penentuan kesesuaian pemasangan *sprinkler point* dalam suatu kawasan/ruang;
- b) Ketinggian siling – bagi ketinggian ruang siling melebihi 800 milimeter sistem *sprinkler* jenis *double layer* hendaklah direkabentuk dengan mengambilkira di dalam ruang siling; dan
- c) Ruang tangga – Pemilihan *sprinkler point* jenis *pendant/upright* adalah bersesuaian dengan kawasan tangga. Walaubagaimanapun bagi kawasan tangga yang tertutup tanpa sebarang pengudaraan sistem *sprinkler* tidak perlu disediakan.

Penyediaan rekabentuk terperinci dilakukan sejajar dengan rekabentuk awalan yang telah dibuat pada peringkat awal untuk tujuan penyediaan kos. Penentuan *hazard class* hendaklah ditentukan terlebih dahulu ketika penyediaan rekabentuk awalan dan digunakan untuk tujuan penyediaan rekabentuk terperinci. Rekabentuk terperinci sistem *sprinkler* terdiri daripada :

- a) Penetapan jarak dan perkiraan *sprinkler point*;
- b) Pengiraan bagi rekabentuk dan saiz paip; dan
- c) Pengiraan bagi rekabentuk dan saiz tangki dan pam.

Panduan rekabentuk terperinci sistem *sprinkler* didalam buku ini adalah merujuk kepada Buku *Guide To Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.). (2006), UBBL 1984 dan MS 1910:2017. Garis panduan ini secara umumnya hanya melibatkan rekabentuk bagi *hazard class* OH sahaja.

Senarai semak maklumat rekabentuk bagi keseluruhan sistem *sprinkler* boleh digunakan dan dirujuk seperti di Lampiran 3.

Pengecualian Dalam Pemasangan *Sprinkler*

Mengikut piawaian MS 1910:2017 klausa 4.1.1 dan 4.1.2, terdapat pengecualian dalam pemasangan *sprinkler* dalam bangunan iaitu pengecualian wajib dan pengecualian yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, pihak Bomba tempatan perlu dirujuk untuk pengesahan.

- a) Pengecualian Yang Dibenarkan (*permitted exceptions*):
 - i. Tandas dan bilik air yang tidak menggunakan dan tidak menyimpan bahan mudah terbakar;
 - ii. Ruang tangga dan *shaft* yang tertutup tidak mengandungi bahan mudah bakar dan dibina sebagai ruang kalis kebakaran;
 - iii. Ruang atau bilik yang dilindungi dengan sistem pencegah kebakaran yang lain (contoh: *clean agent*, CO₂); dan
 - iv. Melibatkan kendalian bahan basah seperti mesin pembuatan kertas.

- b) Pengecualian Wajib (*necessary exception*):
 - i. Gudang atau tong yang menyimpan bahan yang mudah rosak apabila terkena dengan semburan air;
 - ii. Dalam kawasan relau, pemanas poteri, pelebur atau serupa dari segi kefungsiannya yang akan meningkatkan risiko bahaya apabila terkena semburan air; dan
 - iii. Ruang, bilik atau tempat yang akan mendatangkan bahaya apabila terkena semburan air.

4.1 Rekabentuk Tangki

Penentuan isipadu air tangki sistem *sprinkler* hendaklah dirujuk berdasarkan Jadual 9 dalam MS1910:2017 – *Minimum water volume for pre-calculated LH and OH systems* seperti di Lampiran 4. Walaupun kapasiti tangki air telah ditetapkan mengikut MS 1910:2017, pengiraan bagi rekabentuk tangki air juga perlu dilakukan untuk memastikan jumlah kapasiti yang dibekalkan adalah mematuhi keperluan yang telah ditetapkan. Contoh penentuan saiz tangki air system *sprinkler* ditunjukkan seperti dalam Contoh 1.

Contoh 1: Tentukan saiz tangki air sistem *sprinkler* untuk sebuah bangunan pejabat jenis kategori *hazard class* OH3 dengan ketinggian 28 meter.

Penyelesaian:

Jenis bangunan : Pejabat
Hazard Class : OH3
 Ketinggian bangunan : 28 meter

a) Penentuan isipadu minima;

Dengan merujuk Jadual 9 dalam MS1910:2017 – *Minimum water volume for pre-calculated LH and OH system* sebagaimana di Lampiran 4, didapati isipadu minima air adalah sebanyak **160 m³** (*minimum water volume*) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah.

JADUAL 4.1: MINIMUM WATER VOLUME FOR PRE -CALCULATED LH AND OH SYSTEMS

Class	Height <i>h</i> of the highest sprinkler above the lowest sprinkler (see note) (m)	Minimum water volume (m ³)
LH (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	9
	$15 < h \leq 30$	10
	$30 < h \leq 45$	11
OH1 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	55
	$15 < h \leq 30$	70
	$30 < h \leq 45$	80
OH1 (Dry) OH2 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	105
	$15 < h \leq 30$	125
	$30 < h \leq 45$	140
OH2 (Dry)	$h \leq 15$	135
	$15 < h \leq 30$	160
OH3 (Wet or pre-action)	$30 < h \leq 45$	185
	$h \leq 15$	160
OH3 (Dry) OH4 (Wet or pre-action)	$15 < h \leq 30$	185
	$30 < h \leq 45$	200
OH4 (Dry)	Use HH protection	
NOTE. Sprinklers in the sprinkler valve room should not be considered in calculating the height of the highest sprinkler above the lowest sprinkler.		

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance*) (Table 9)

b) Pengiraan kapasiti nominal tangki;


Mengambil kira faktor rekabentuk dan pemasangan tangki yang mempunyai saluran masuk dan keluar pada aras tertentu, dengan menganggarkan 15% daripada keseluruhan kapasiti air di dalam tangki akan kekal di dalamnya;

Oleh itu, kapasiti nominal tangki yang diperlukan adalah:

$$\text{Kapasiti nominal tangki} = \frac{160 \text{ m}^3}{0.85} = 188.2 \text{ m}^3$$


c) Penentuan saiz tangki;

Isipadu tangki bagi setiap 1 panel = 1.81 m^3 (1.22 meter x 1.22 meter x 1.22 meter)



$$\text{Bilangan panel tangki} = \frac{188.2 \text{ m}^3}{1.81 \text{ m}^3} = 104 \text{ panel}$$

Jadi, saiz tangki = 6 panel (Panjang) x 6 panel (Lebar) x 3 panel (Tinggi)
= 108 panel
= 195.48 m^3 atau 195,480 liter.
(melebihi kapasiti minimum, iaitu 160 m^3)



4.2 Rekabentuk Pam

Rekabentuk pam melibatkan maklumat tekanan dan kadar aliran pam yang dipilih berdasarkan *hazard class* seperti Jadual 16 dalam MS1910:2017 - *Minimum pump characteristic for LH and OH (pre - calculated systems)* seperti di Lampiran 6.

Contoh 2: Tentukan kapasiti dan tekanan pam sistem *sprinkler* untuk sebuah bangunan pejabat jenis *hazard Class OH3* dengan ketinggian 28 meter.

Penyelesaian:

Jenis bangunan : Pejabat
Hazard Class : OH3
 Ketinggian bangunan : 28 meter

Berdasarkan piawaian dan garis panduan untuk merekabentuk sistem *sprinkler*, kapasiti pam ditentukan secara *pre-calculated* berdasarkan maklumat *hazard class* dan ketinggian bangunan seperti yang di dalam Jadual 4.2.

JADUAL 4.2: MINIMUM PUMP CHARACTERISTICS FOR LH AND OH (PRE - CALCULATED SYSTEMS)

Hazard class	Sprinkler height h above the control valve set(s) (m)	Pump nominal data		Flow characteristic (see NOTE)			
				Max. demand flow		Design flow	
		Pressure at pump outlet 'A' gauge (bar)	Flow (l/min)	Pressure at 'C' gauge (bar)	Flow (l/min)	Pressure at 'C' gauge (bar)	Flow (l/min)
LH (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	1.5	300	3.7	225	-	-
	$15 < h \leq 30$	1.8	340	5.2	225	-	-
	$30 < h \leq 45$	2.3	375	6.7	225	-	-
OH1 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	1.2	900	2.2	540	2.5	375
	$15 < h \leq 30$	1.9	1 150	3.7	540	4.0	375
	$30 < h \leq 45$	2.7	1 360	5.2	540	5.5	375
OH1 (Dry) OH2 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	1.4	1 750	2.5	1 000	2.9	725
	$15 < h \leq 30$	2.0	2 050	4.0	1 000	4.4	725
	$30 < h \leq 45$	2.6	2 350	5.5	1 000	5.9	725
OH2 (Dry) OH3 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	1.4	2 250	2.9	1 350	3.2	1 100
	$15 < h \leq 30$	2.0	2 700	4.4	1 350	4.7	1 100
	$30 < h \leq 45$	2.5	3 100	5.9	1 350	6.2	1 100
OH3 (Dry) OH4 (Wet or pre-action)	$h \leq 15$	1.9	2 650	3.0	2 100	3.5	1 800
	$15 < h \leq 30$	2.4	3 050	4.5	2 100	5.0	1 800
	$30 < h \leq 45$	3.0	3 350	6.0	2 100	6.5	1 800

NOTE. The flow characteristic pressures shown are as measured at the 'C' gauge of the control valve set(s).

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance*) (Table 16)

Keperluan tekanan dan kadar alir pam adalah seperti di bawah;

- a) Tekanan pada kadar alir nominal 2,700L/min @ 'A' gauge *pump outlet* adalah:

$$Pressure = 2.0 \text{ bar}$$

- b) Tekanan pada kadar alir rekabentuk 1,100 L/min @ 'C' gauge *control valve set* adalah:

$$Pressure = 4.7 \text{ bar}$$

- c) Tekanan pada kadar alir rekabentuk maksima 1,350 L/min @ 'C' gauge *control valve set* adalah:

$$Pressure = 4.4 \text{ bar}$$

Daripada kapasiti pam yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 4.3, spesifikasi teknikal pam hendaklah dimasukkan dalam spesifikasi teknikal dan lukisan tender.

JADUAL 4.3: KEPERLUAN SPRINKLER PUMP

<i>Description of pump</i>	<i>End Suction</i>
<i>Nominal Pumping capacity</i>	2700 l/m @ 2.0 bar
<i>Pump characteristic at high flow</i>	1100 l/min @ 4.7 bar
<i>Pump characteristic at low flow</i>	1350 l/min @ 4.4 bar

4.3 Rekabentuk Sistem *Sprinkler*

Setelah saiz tangki dan pam ditetapkan, rekabentuk sistem *sprinkler* yang melibatkan penetapan jarak dan bilangan *sprinkler point* boleh dijalankan seperti yang diterangkan seperti tajuk berikutnya.

4.3.1 Penetapan Jarak dan Perkiraan *Sprinkler Point*

Sprinkler point mewakili setiap *sprinkler head* yang akan dipasang pada paip sistem *sprinkler*. *Sprinkler head* adalah muncung semburan yang menyemburkan air ke kawasan bahaya kebakaran yang diaktifkan.

Setelah ruang/bilik yang perlu pemasangan sistem *sprinkler* dikenalpasti, taburan *sprinkler head* yang ditetapkan dalam sesuatu ruang yang diliputi oleh satu *sprinkler point* adalah seperti yang telah disenaraikan pada Jadual 4.4. Contoh penentuan taburan *sprinkler head* ini ditunjukkan dalam Contoh 3. Ini bagi memastikan setiap *sprinkler point* dapat beroperasi pada tahap yang optimum ketika kebakaran berlaku. Kedudukan *sprinkler point* perlu mengambilkira halangan-halangan seperti tangga, bilik pam dan sebagainya.

JADUAL 4.4: JARAK DAN KAWASAN LITUPAN BAGI *SPRINKLER POINT* MENGIKUT *HAZARD CLASS*


<i>Hazard Class</i>	Ruang maksima per <i>sprinkler</i> (m ²)	Jarak maksimum (m)		
		<i>Standard Layout S and D</i>	<i>Staggered Layout S</i>	<i>Staggered Layout D</i>
Light (LH)	21.0	4.6	4.6	4.6
Ordinary (OH)	12.0	4.0	4.6	4.0
High (HH)	9.0	3.7	3.7	3.7
S – jarak antara <i>sprinkler</i> sepanjang <i>range pipe</i> D – jarak di antara <i>range pipe</i>				

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*) (Table 19)

4.3.2 Jarak Maksimum Dan Minimum Litupan *Sprinkler Head* (Coverage)

Konfigurasi taburan *sprinkler head* dalam ruang yang memerlukan pemasangan sistem *sprinkler* adalah berdasarkan MS1910:2017 seperti berikut:


- a) Dalam susunatur piawai, jarak semua *sprinkler head* yang terletak pada *range pipe* yang paling dekat ke dinding tepi, hendaklah tidak melebihi $0.5D$ dan $0.5S$. Rujuk Rajah 4.1 di bawah;



RAJAH 4.1: CEILING SPRINKLER SPACING

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*) (Figure 10)

- b) Jarak antara *sprinkler* hendaklah tidak kurang daripada 2.0 meter kecuali pada tempat yang dinyatakan pada klausa 11.3 dalam MS 1910:2017, iaitu:
- i. Untuk mengelakkan *sprinkler* yang berdekatan membasahi satu sama lain, dengan menggunakan *baffle* bersaiz kira-kira 200 milimeter x 150 milimeter atau menggunakan ciri binaan intervensi;
 - ii. *Intermediate sprinklers* dalam rak; dan
 - iii. *Escalator* dan ruang tangga.
- c) Jika ketinggian ruang siling melebihi 800 milimeter, sistem *sprinkler* jenis *double layer* hendaklah direkabentuk mengikut klausa 11.2.7 di dalam *Guide to Fire Protection in Malaysia* (2nd ed.). (2006). IFEM seperti contoh yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2 di bawah.




RAJAH 4.2: CONTOH REKABENTUK SISTEM *SPRINKLER* JENIS *DOUBLE LAYER*

Contoh 3: Tentukan lokasi taburan *sprinkler head* dalam ruang bagi susunatur piawai untuk *hazard Class OH* bagi satu keluasan satu kawasan bersaiz 26 meter x 17 meter.

Penyelesaian:


Rajah di bawah menjelaskan langkah-langkah bagi menentukan taburan *sprinkler head* yang dibuat secara susunatur piawai bagi *hazard class OH*. Luas kawasan yang dirangkumi oleh satu *sprinkler point* di bawah *hazard class OH* berdasarkan Jadual 4.4 adalah seluas 12 m² dan jarak $S = 3$ meter dan $D = 4$ meter.




1. Ruang dengan keluasan 26 meter x 17 meter disediakan.

2. Ruang tersebut dibahagi bahagian tengah samarata.


3. Beberapa bahagian dibahagi secara menegak dengan jarak D adalah 4 meter dan jarak paling tepi tidak melebihi 2.0 meter (0.5D)



4. Beberapa bagian dibagi secara melintang dengan jarak S adalah 3 meter dan jarak paling tepi tidak melebihi 1.5 meter ($0.5S$)



5. Taburan *sprinkler head* tersebut ditentukan dengan jarak yang sesuai.



6. Susunatur taburan *sprinkler head* yang telah siap disusun.

4.4 Pengiraan Bagi Rekabentuk Dan Saiz Paip

Secara umumnya paip sistem *sprinkler* boleh dilihat seperti dalam Rajah 1.1 yang ditunjukkan dalam tajuk sebelum ini dan terdiri daripada berikut:

- a) *riser pipe*;
- b) *main distribution pipe*;
- c) *range pipe*;
- d) *armpieces*;
- e) *drain pipe*; dan
- f) *test pipe*.

Penentuan lokasi *design point* adalah penting bagi pengiraan saiz paip dalam sistem *sprinkler* yang terdiri daripada *range pipe*, *riser pipe* dan *distribution pipe*. Lokasi *design point* adalah pada titik pertemuan antara *distribution pipe* dan *range pipe* seperti dalam Jadual 4.5. Bilangan maksimum *sprinkler head* pada setiap *design point* juga dinyatakan dalam jadual tersebut.

4.4.1 *Design Point*

Penentuan lokasi *design point* adalah penting bagi pengiraan saiz paip dalam sistem *sprinkler* yang terdiri daripada *range pipe*, *riser pipe* dan *distribution pipe*.

Lokasi *design point* adalah pada titik pertemuan antara *distribution pipe* dan *range pipe*. Bilangan maksimum *sprinkler point* pada setiap *design point* juga dinyatakan dalam Jadual 4.5. Bilangan maksimum *sprinkler point* adalah 16 bagi *two end-side layout* dan 18 *sprinkler point* bagi *all other layouts*.

JADUAL 4.5: LOKASI DESIGN POINT UNTUK HAZARD CLASS OH

<i>Hazard Class</i>	<i>Number of sprinklers on a distribution pipe, in a room</i>	<i>Location of design point on a distribution pipe junction to a range holding n^{th} sprinkler where n is</i>	<i>Range layout</i>
OH	>16	17	<i>two end-side</i>
	>18	19	<i>all others</i>

Sumber : Jabatan Standard Malaysia. (2017). MS1910 (*Fixed Firefighting Systems-Automatic Sprinkler System – Design, Installation and Maintenance (First Revision)*) (Table 26)


4.4.2 Kaedah Rekabentuk Sistem Paip

Rekabentuk serta pengiraan saiz paip *sprinkler* adalah satu elemen penting dalam rekabentuk sistem *sprinkler*. Rekabentuk saiz paip dan pengiraan *pipe loss* untuk *range pipe* dan *distribution pipe* perlu dilakukan dengan teliti berdasarkan jadual-jadual yang dinyatakan dalam MS1910:2017.

Terdapat dua kaedah pengiraan saiz bagi beberapa jenis paip *sprinkler* iaitu kaedah *pre-calculated* dan *hydraulically calculated* seperti diterangkan dalam Jadual 4.6.

JADUAL 4.6: PERBEZAAN KAEDAH PENGIRAAN SAIZ PAIP (*PRE-CALCULATED* DAN *HYDRAULICALLY CALCULATED*)

<i>Pre-calculated</i>	<i>Hydraulically calculated</i>
<p>Untuk penentuan saiz bagi semua range pipe dan juga bagi <i>distribution pipe</i>.</p>	<p>Untuk pengiraan saiz bagi <i>distribution pipe</i> yang bermula dari design point sehingga ke <i>supply point</i> pada <i>control valve set</i>.</p>
